



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR


KURSUS	:	ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS	:	MPU 2012 / ETR 2212
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (40 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. BAHAGIAN C** jawab **DUA(2)** soalan sahaja. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A [20 MARKAH]**SOALAN ANEKA PILIHAN**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. _____ telah mendefinisikan keusahawanan sebagai agen yang membeli alat-alat pengeluaran untuk menghasilkan barangan yang boleh dipasarkan.
 - A. Richard Cantillon.
 - B. Joseph Schumpeter.
 - C. David McClelland.
 - D. Kuratko dan Hodgets.

2. Yang manakah antara pernyataan yang berikut adalah **BENAR**?
 - A. Peniaga kecil berupaya mengambil risiko yang tinggi.
 - B. Usahawan mempunyai daya usaha pada tahap tinggi.
 - C. Peniaga kecil tidak mempunyai daya usaha.
 - D. Seseorang peniaga semestinya seorang usahawan.

3. Keburukan memiliki perniagaan akan menyebabkan perkara-perkara berikut terjadi
 - A. pendapatan yang sentiasa berganda-ganda.
 - B. tekanan kehidupan yang tinggi.
 - C. membina jati diri.
 - D. tekanan darah tinggi naik.

4. Berikut adalah kesilapan yang banyak berlaku kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan **KECUALI**
 - A. Pengurusan yang tidak cekap.
 - B. Kekurangan pengalaman.
 - C. Kawalan kewangan yang lemah.
 - D. Tidak menilai pencapaian.

5. Maklumat demografik termasuk butir berikut
- A. Citarasa.
 - B. Keinginan.
 - C. Jantina.
 - D. Ego.
6. Keputusan kerajaan Malaysia menaikkan harga minyak baru-baru ini contoh kepada persekitaran umum yang berkaitan dengan
- A. Faktor sosial.
 - B. Faktor teknologi.
 - C. Faktor ekonomi.
 - D. Faktor politik.
7. Antara berikut yang manakah **BUKAN** jenis-jenis sumber yang perlu diuruskan oleh usahawan dengan baik?.
- A. Sumber organisasi
 - B. Sumber manusia
 - C. Sumber bahan mentah
 - D. Sumber reputasi
8. Senarai yang berikut ialah jaringan formal keusahawan **KECUALI**
- A. Bank
 - B. Akauntan
 - C. Rakan karib
 - D. Peguam.
9. Antara yang berikut yang manakah **BUKAN** elemen dalam persekitaran mikro?
- A. Pembekal.
 - B. Peguam.
 - C. Pertubuhan bukan kerajaan.
 - D. Pesaing.

10. Semua kenyataan berikut adalah betul **KECUALI**
- A. Kerja-kerja inovasi membolehkan penambahan kegunaan sesuatu produk.
 - B. Inovasi tidak menghasilkan produk baru.
 - C. Usaha kreativiti dan inovasi boleh mengurangkan kos bagi membolehkan manusia mengecap kualiti hidup yang lebih baik.
 - D. Pemikiran kreatif menghasilkan penyelesaian kepada masalah sosial.
11. Letchumi menyelaraskan proses pengumpulan idea dengan meminta ahli kumpulan mengeluarkan sebanyak mungkin idea secara spontan tanpa membenarkan ahli mengkritik setiap idea yang dikeluarkan. Apakah nama kaedah ini?
- A. Lontaran prototaip.
 - B. Sumbangsaan.
 - C. Membuat peta minda.
 - D. Tiada satu di atas.
12. Di antara cara untuk membina minda kreatif ialah
- A. Banyak membaca.
 - B. Melancong.
 - C. Menghadiri ekspo perdagangan.
 - D. Semua di atas.
13. Manakah di antara berikut merupakan elemen strategi pemasaran (4P)?
- I. *Product* (Barangan).
 - II. *Place/Distribution* (Tempat).
 - III. *Customer* (Pelanggan).
- A. I, dan II.
 - B. I sahaja
 - C. I dan III
 - D. II dan III

14. Rancangan perniagaan disediakan untuk
- I. Usahawan
 - II. Pelabur
 - III. Pemberi pinjaman
- A. I,II dan III
 - B. I sahaja
 - C. I dan III
 - D. II dan III
15. Antara berikut adalah bantuan sokongan di Malaysia
- I. Latihan bengkel.
 - II. Bantuan pemasaran.
 - III. Khidmat nasihat.
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III.
 - C. I dan III
 - D. II dan III
16. Berikut adalah perlindungan hak perniagaan **KECUALI**
- A. *Trademark* (Cap Dagangan)
 - B. *Copy Right* (Hak Cipta)
 - C. *Patent* (Paten)
 - D. Kualiti Alam Sekitar.
17. Kewujudan peluang perniagaan adalah bergantung kepada beberapa faktor persekitaran antaranya
- A. Ekonomi, teknologi dan sumber bahan mentah
 - B. Ekonomi, politik dan getah.
 - C. Tahap persaingan, teknologi dan ekonomi.
 - D. Tahap persaingan, teknologi dan padi.

18. Apakah faedah menyediakan rancangan perniagaan kepada usahawan?
- I. Meningkatkan keyakinan usahawan
 - II. Membantu usahawan mengenal pasti jumlah modal yang diperlukan.
 - III. Mengurangkan risiko kegagalan perniagaan jika mempunyai perancangan di peringkat awal.
- A. I, II dan III
 - B. I sahaja
 - C. I dan III
 - D. II dan III
19. Kenyataan berikut menghuraikan etika perniagaan dengan tepat **KECUALI**
- A. Usahawan yang beretika tidak akan mengabaikan tanggungjawab sosial
 - B. Etika perniagaan akan meningkatkan imej syarikat
 - C. Usahawan yang beretika akan dapat menarik pelabur
 - D. Usahawan beretika tidak mematuhi undang-undang
20. Pendidikan keusahawanan di Malaysia adalah bertujuan untuk
- A. Menggalakkan pelajar terlibat dalam perniagaan.
 - B. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan
 - C. Meningkatkan sumber pendapatan pelajar.
 - D. Membangunkan inovasi dan teknologi.

BAHAGIAN B [40 MARKAH]**SOALAN PENDEK**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Huraikan definisi usahawan. (3 markah)
2. Mengapakah perniagaan yang baru diceburi seringkali menemui kegagalan?. (3 markah)
3. Seseorang individu boleh di latih untuk menjadi seorang usahawan. Bincangkan. (5 markah)
4. Adakah kreativiti berkaitan dengan inovasi? Jika ya, bagaimana ia berkait? (4 markah)
5. Pada pendapat anda, apakah pekerjaan yang memerlukan kreativiti? (3 markah)
6. Terangkan secara ringkas **DUA (2)** alasan untuk menulis rancangan perniagaan? (4 markah)
7. Terangkan perbezaan di antara perniagaan milikan tunggal dan perkongsian. (4 markah)
8. Nyatakan fungsi-fungsi pengurusan. (4 markah)
9. Terangkan maksud keperluan dan kehendak beserta contoh. (4 markah)
10. Terangkan proses mengenalpasti sasaran pasaran. (6 markah)

BAHAGIAN C [20 MARKAH]**SOALAN STRUKTUR**

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

SOALAN 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan khidmat sokongan dalam konteks keusahawanan Malaysia? (4 markah)
- b) Pada pendapat anda, mengapakah perkhidmatan sokongan sangat penting untuk dibangunkan di Malaysia? (6 markah)

SOALAN 2

Era tahun 2000 hangat memperkatakan tentang kreativiti dan inovasi. Kerajaan Malaysia turut memberi galakan dan penekanan kepada masyarakat usahawan agar menyedari keperluan sains dan teknologi yang boleh menjana peluang dan meningkatkan kreativiti dan inovasi. Usahawan yang kreatif dan berinovasi mempunyai peluang yang lebih baik dan mendapat kelebihan bersaing di pasaran.

- a) Nyatakan **empat (4)** halangan untuk menjadi kreatif. (4 markah)
- b) Apakah jenis-jenis inovasi? Terangkan beserta dengan contoh bagi setiap jenis inovasi?. (6 markah)

SOALAN 3

[Datuk Loh Boon Siew berasal dari Kampung Hui, daerah Fukian, sebuah wilayah yang dianggap paling miskin di China. Kehidupan keluarga Datuk Loh sangat miskin menyebabkan beliau tidak pernah berpeluang ke sekolah.

Sejak kecil lagi beliau bekerja mengutip najis haiwan sebagai baja pertanian dan memancing ikan untuk dijual sebagai tambahan pendapatan keluarganya.

Ketika berumur dua belas (12) tahun, ayahnya membawanya ke Pulau Pinang untuk berhijrah dan mencari sumber pendapatan. Beliau disuruh oleh ayahnya bekerja di sebuah kedai mekanik. Mereka berdua tidak mempunyai sedikit pun masa untuk bersuka-suka tetapi bekerja kuat untuk menghantar duit untuk keluarga yang berada di China. Untuk memperolehi pendapatan lebih, di sebelah malam beliau membasuh bas dan upahnya sepuluh (10) sen bagi setiap bas. Ketika berumur lapan belas (18) tahun, beliau tertarik untuk berniaga sendiri dan sering memikirkan cara bagaimana untuk mendapat peluang tersebut.

Hasil daripada wang yang disimpan sedikit demi sedikit, dia kemudian membeli beberapa peralatan mekanik bernilai RM 10.00 dan 8 buah bas berharga RM2000.00 untuk diperbaiki dan dijadikan bas penumpang. Bas ini mendatangkan hasil lumayan kepada beliau iaitu RM1.20 hingga RM 1.40 sehari untuk setiap bas. Setiap keuntungan disimpan sedikit sementara bakinya dijadikan modal pusingan semula. Dalam masa tujuh (7) tahun beliau mempunyai empat puluh (40) buah bas dan membuka kedai bateri serta barang ganti kenderaan. Selepas perang dunia kedua tamat, Datuk Loh meluaskan perniagaannya dengan membuka kedai kereta terpakai dan menjadi ejen pengedar beberapa jenis motosikal keluaran British. Dalam tahun 1958, beliau melawat Jepun untuk makan angin. Di Jepun beliau ternampak buat pertama kalinya sebuah motosikal Honda. Pada ketika itu motosikal Honda belum lagi diketahui di Malaysia. Beliau berfikir adalah menarik sekiranya dapat menjualnya di Malaysia. Disebabkan motosikal Honda adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan motosikal British, dan beliau merasakan ianya adalah amat sesuai untuk orang-orang Asia yang bertubuh lebih kecil.

Setelah mengesan siapakah pengeluaranya, beliau membuat perjanjian untuk memesan dua belas (12) unit motosikal tersebut. Motosikal tersebut kemudian dijual kepada kawan rapatnya tanpa mengambil apa-apa untung. Motosikal Honda yang dibawanya ditertawakan oleh orang ramai yang menganggap ia tidak berguna dan cepat rosak, namun ia tidak mematahkan hasratnya untuk memperkenalkan motosikal tersebut. Menjelang tahun 1963, motosikal Honda menjadi kenderaan yang paling diminati di Malaysia. Setiap sepuluh motosikal di jalanraya, tujuh darinya adalah dari Honda.]

- a) Apakah maksud peluang?. Bagaimanakah Datuk Loh Boon Siew mengenalpasti peluang di dalam pasaran? Sokong jawapan anda berdasarkan fakta dalam cerita di atas.

(4 markah)

- b) Berdasarkan cerita di atas, bincangkan **TIGA (3)** ciri-ciri yang dimiliki oleh Datuk Loh Boon Siew sebagai seorang usahawan yang berjaya. Sokong jawapan anda dengan contoh yang spesifik.

(6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

